

# Pengukuhan Semula Peradaban Komuniti Cina Muslim Berasaskan Dialog Antara Agama: Pengalaman di Terengganu dan Brunei

## *Reinforcement Muslim Chinese Community Civilization Based on Interfaith Dialogue: Experience in Terengganu and Brunei*

Azarudin Awang<sup>1</sup>, Azman Che Mat<sup>2</sup>, Sophian Ramli<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Kontemporari Pengajian Islam, (ACIS) UiTM Terengganu, 23000, Dungun, Terengganu;

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Terengganu 23000, Dungun, Terengganu;

<sup>3</sup> Akademi Kontemporari Pengajian Islam, (ACIS) UiTM Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

### Progres Artikel

Diterima: 24 Mac 2019

Disemak: 1 Mei 2019

Diterbit: 31 Mei 2019

\*Perhubungan Penulis:

Azarudin Awang  
Akademi Kontemporari  
Pengajian Islam, (ACIS) UiTM  
Terengganu, 23000, Dungun,  
Terengganu

Emel:

azaru154@tgnu.uitm.edu.my

**Abstrak:** Bagi sesebuah negara yang mempunyai etnik pelbagai anutan kepercayaan dan perbezaan amalan budaya, dialog antara agama berperanan membetulkan semula kekaburuan dalam kehidupan beragama dan berbudaya. Melalui peranan Saudara Baru, dialog antara agama mampu menjadi medan bagi menjelaskan kebenaran tentang agama Islam kepada masyarakat bukan Muslim dan pelaksanaan amalan budaya asal kepada Muslim asal. Objektif kajian ini ialah melihat pengalaman pelaksanaan dialog antara agama di Terengganu dan di negara Brunei. Metode kajian ini menggunakan kajian dokumen yang menyentuh komuniti Cina Muslim di Terengganu dan Brunei. Selain itu, temubual dengan tokoh yang terlibat dalam pengurusan Saudara Baru turut dilakukan. Pengalaman pelaksanaan dialog antara agama di Terengganu dan negara Brunei memperlihatkan dialog antara agama mampu membetulkan salah faham dan selanjutnya mengendurkan ketegangan hubungan antara agama dan budaya antara komuniti Saudara Baru, ahli keluarga bukan Muslim dan masyarakat Muslim asal. Biarpun begitu, adalah dicadangkan agar kajian yang menyentuh dialog antara agama perlu diperkuatkan sebagai medium untuk mengukuhkan semula peradaban memandangkan penduduk di kedua-dua lokasi ini terdiri daripada berbilang etnik dan agama sedangkan pada masa yang sama masalah yang menyentuh hubungan antara agama sentiasa timbul.

**Kata kunci:** Pengukuhan semula, peradaban, dialog antara agama, Terengganu, Brunei.

**Abstract:** For a country with diverse ethics of beliefs and cultural practices, interfaith dialogue plays a role to redefine ambiguity in religious and cultural life. Through the role of the New Muslim (Muslim Convert), interfaith dialogue can become a medium to explain the truth about Islam to the non-Muslims and the implementation of real cultural practices to the others Muslim. The objective of this study is to examine the experience of interfaith dialogue in Terengganu and in Brunei. The method of this study is being conducted in document research that related with the Muslim Chinese community in Terengganu and Brunei. In addition, interviews with people involved in the management of New Muslims also carried out. The experience of interfaith dialogue in Terengganu and Brunei shows that dialogue capable explains misunderstandings and further loosening the tension between religion and culture among New Muslims, non-Muslim family members and Muslim communities. However, it is recommended that studies on interfaith dialogue should be strengthened as a medium for

rebuilding civilization as the residents of both locations are multi-ethnic and religious while at the same time the problem of interreligious persists.

**Keywords:** Strengthening, civilization, interfaith dialogue, Terengganu, Brunei.

## Pengenalan

Apabila meninjau senario perkembangan Islam di Terengganu dan Brunei, perkembangan terhadap pemelukan agama Islam di kedua-dua tempat ini sentiasa berlaku sepanjang tahun. Pemelukan agama Islam dipelopori oleh beberapa faktor termasuk peranan badan-badan dakwah yang melihat “Islam Agama Persekutuan” sebagai batu loncatan bagi menyampaikan kebenaran agama ini. Bagi masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia dan Brunei, kelihanannya yang berkaitan peradaban yang menyentuh agama dan budaya perlu ditangani dengan berhikmah. Apa yang pasti, perjuangan bagi melestarikan keharmonian dalam masyarakat mengalami pasang surutnya. Biarpun agenda perpaduan kaum hangat dan aktif diusahakan dalam dekad 1970-an dan 1980-an di Malaysia, kadang kala agenda ini kelihatan agak terpinggir dan lesu (Abdul Rahman 2003). Hernawati Nasir dan Suraya Sintang (2018) menjelaskan peradaban merupakan suatu bentuk masyarakat yang hidup bersistem, tersusun dalam pelbagai aspek kehidupan, memiliki adab dan akhlak baik serta boleh berhubung antara satu sama lain bagi mencapai satu kesepakatan untuk sama-sama membangunkan masyarakat. Dalam kata lain peradaban merupakan hasil tertentu dari perkembangan kebudayaan masyarakat yang telah mencapai kemajuan tertentu yang dicirikan oleh tingkat ilmu pengetahuan, teknologi, seni dan sebagainya berdasarkan kreativiti akal pemikirannya (Azarudin et al 2018).

## Konsep Dialog Antara Agama

Dialog antara agama bukan sekadar ‘perbincangan’ yang terjalin kerana diwakili oleh hubungan tradisi, malah ia merupakan satu usaha menghapuskan konflik antara agama dengan membina persefahaman dan seterusnya memupuk kasih sayang antara satu sama lain (Khadijah et al. 2013). Secara tegasnya, gesaan supaya masyarakat Muslim mengenangkan dialog sebagai medium perdamaian dalam peradaban manusia dinyatakan di dalam surah al-Nahl, Ayat 125 yang bermaksud:

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat

pengajaran yang baik, dan berbahaslah (berdialog) dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah.

Selanjutnya, ayat 46 surah al-Ankabut dengan menggunakan perkataan ‘*Jidal*’. Manakala perkataan ‘*hiwar*’ digunakan pada firman Allah ayat 34 dan 37 surah al-Kahfi yang memberi gambaran negatif, iaitu bermaksud ‘menentang dalam perkataan’ dan ‘melemahkan dengan rasa bongkak’. Perkataan *hiwar* dalam surah al-Mujadalah ayat 1 pula memberi maksud ‘mencari sesuatu dengan kebenaran’. Surah al-Haj ayat 22 menyatakan agar berdialog sewajarnya berasaskan akal yang jelas, membawa sumber yang tepat dan tidak sesekali menurut hawa nafsu. Selain itu, surat al-Anfal ayat 6 mensyaratkan agar dialog tidak seharusnya mempertikaikan sesuatu kebenaran (Khadijah & Khairul 2005). Antara istilah dialog antara agama yang dipopularkan oleh para agamawan Kristian ialah *interreligious dialogue, interfaith dialogue, multicultural dialogue, interfaith conference*. Dalam ajaran Kristian, implementasi terhadap dialog antara agama diasaskan kepada beberapa kenyataan daripada Bible misalnya:

*Love your enemy, bless to those curse you, do good to those who hate you and pray for those who persecute you. (Matthew 5:44)*

*If your enemy is hungry, give him food to eat; And if he is thirsty, give him water to drink; For you will heap burning coals on his head, And the LORD will reward you (Proverbs 25:21-22)*

Di dalam ajaran Buddha, anjuran berdialog boleh difahami dari petikan Lotus Sutra sebagaimana di bawah:

*Time and again the Buddha turns the wheel of the Law from one friend to another, from here to there, from one country to the next. At the same time, he bravely fights to refute evil. This is the Buddha's struggle.” (Daisaku 2001)*

Memahami kewajaran berdialog dalam perspektif Hindu adalah didasarkan kepada petikan Rig Veda sebagaimana berikut, iaitu “*Ekam Sat, viprah bahudha*

vadanti” (RV.1 164:46) yang bermaksud ‘*One alone is the Real though sage talks of it as many.*’ Petikan di atas menjelaskan bahawa kepelbagaiannya tentang konsep ketuhanan di dalam agama Hindu adalah satu yang teras. Justeru Prof Dr. Raimundo Panikkar menyatakan tentang dialog Hindu-Kristian sebagai: “*Changes not only our opinion of the religion we study and dialogue with, it also changes our stand and interpretation of our own religion*” (John 1990).

Berdasarkan kepada petikan-petikan di atas, agama-agama di dunia menganjurkan perdamaian dengan kelompok-kelompok yang berbeza agama. Sememangnya, perdamaian dan keamanan antara peradaban akan tercapai sekiranya dialog antara agama dijadikan satu mekanisme dengan syarat ia dilakukan dengan jujur. Gagasan antara dialog antara agama ditonjolkan dalam 4 bentuk yang signifikan, iaitu pengalaman iman, kerjasama antara agama, perbincangan tentang teologi dan perkongsian kehidupan sehari-hari (Taylor 2012, Rahimin et al. 2011).

Dari sudut ajaran Islam, dialog antara agama mampu melenyapkan salah faham dalam peradaban yang wujud dalam masyarakat bukan Muslim dan masyarakat Muslim. Justeru, melalui dialog dan toleransi yang baik sesama manusia, Islam mampu diterjemahkan sebagai agama yang memberi rahmat kepada sekalian makhluk. Apa yang nyata, salah faham dan permasalahan yang bersifat mendasar mampu diselesaikan melalui pendekatan bermuamalah melalui dialog agama secara bijaksana, *maufizah al-hasannah* dan dalam keadaan tertentu *bermuajalah* dengan cara yang baik. Islam menyedari bahawa keragaman umat manusia dalam agama, budaya, pemikiran dan kehidupan adalah kehendak Allah yang tidak mungkin boleh disamakan. Bagi mencari solusi perdamaian yang berkekalan dan mantap, semestinya setiap pendialog Muslim perlu berkeupayaan menggagas konsep dialog antara agama berdasarkan surah al-Nahl ayat 125 ini pada setiap waktu sebagaimana yang dinyatakan di atas.

## Peranan Saudara Baru Dalam Arena Dialog Tiga Serangkai

Istilah yang cukup popular digunakan dalam Islam bagi seseorang yang melakukan penukaran agama ini ialah mualaf. Menurut Osman dan Abdul Salam dalam konteks negara Malaysia, perkataan mualaf juga disebut sebagai Saudara Baru atau Saudara Kita (Osman 2008). Berdasarkan *Kamus Dewan* (2010), mualaf diertikan sebagai kelompok yang baru memeluk agama Islam atau dikenali sebagai Saudara Baru. Manakala dalam kamus *Lisān Al-‘Arab*, kalimah mualaf diambil dari kata dasar *a-li-fa* (ألفاً) yang bermaksud lembut, baik dan mengasihi. Anuar Putih (2005) menyatakan Saudara Baru ialah individu yang telah melafazkan kalimah syahadah dan

golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Amran (1985) menyatakan Saudara Baru adalah individu yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau individu yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam. Pandangan yang lain, menghubungkan kelompok ini dengan penerimaan zakat atas alasan imannya masih belum teguh (Dusuki 1980). Justeru, di dalam al-Quran, Saudara Baru yang dirujuk sebagai mualaf ini hanya sekali sahaja diungkapkan, iaitu di dalam surah al-Taubah ayat ke 60.

Di Malaysia, bagi komuniti Saudara Baru, pemakaian berbeza yang dilihat berupaya merengangkan hubungan persaudaraan seIslam. Hal ini adalah kerana komuniti ini menganggap diri mereka bukan dari kalangan komuniti Muslim asal (Muslim yang dilahirkan) sebaliknya bersaudara hanya atas faktor pengIslam. Manakala bagi masyarakat Melayu, mualaf dirujuk kepada kelompok yang baru menganuti ajaran Islam yang ditujukan kepada etnik bukan-Melayu. Perihal ini turut mengundang jurang yang lebih besar berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim asal yang lebih majoriti dan masyarakat mualaf yang minoriti dan menimbulkan perasaan kompleks dalam diri mereka kerana beranggapan sebagai golongan “pendatang” dalam keluarga Muslim asal (Norlina et al. 2016). Menurut Suraya (2012), perihal yang berlaku dalam komuniti Saudara Baru memaparkan pelbagai bentuk pengalaman kehidupan baru yang berlaku kepada penganutnya. Ia turut meliputi aspek-aspek yang melibatkan hubungan dengan komuniti Muslim asal (Melayu) dan hubungan dengan masyarakat asal khususnya yang berkait dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, pemelukan agama Islam kerap kali memaparkan ketegangan yang berlaku di antara ‘pemeluk agama baru’, ‘ahli keluarga’ dan ‘komuniti Muslim’ asal di persekitaran. Apa yang pasti keadaan ini akan mencetuskan kesukaran bersosial dan bermuamalah secara merdeka sebagai saudara Muslim.

Kesucian agama sebagaimana yang dianggap oleh tradisi masyarakat bukan Muslim merujuk kepada warisan nenek moyang yang perlu dipertahankan. Saudara Baru dianggap sebagai ‘pengkhianat’ kerana perbuatan mereka ‘masuk Melayu’ dan meninggalkan kehidupan silam mereka. Hal ini adalah kerana golongan mualaf terpaksa bersedia untuk menerima perubahan identiti seperti menukar nama dan tabiat lama mereka seperti makanan, permainan, perayaan dan sebagainya (Shahrul Azman 2016). Akibatnya, terdapat dalam kalangan komuniti ini diugut dan dibekukan sumber kewangan oleh keluarga dan masyarakat sendiri setelah memeluk agama Islam (Fuadah Johari 2013). Streotaip negatif tentang Islam dan masyarakatnya dalam kalangan komuniti bukan Islam dengan liabiliti Islam merupakan

agama teroris, tertutup, bermasalah memburukkan lagi keadaan (Muhammad Nazmi & Jaffary 2016).

Justeru, Rasinah (2010) menyatakan masyarakat bukan Islam di Brunei tidak terkecuali berhadapan permasalahan sebegini. Justeru kadar pemelukan Islam dalam kalangan bukan Muslim berada tahap turun naik dan dianggap tidak memuaskan (Mohammad Redzuan 2015). Biarpun Saudara Baru mempunyai agama yang sama dengan Muslim asal (Melayu) didapati kefahaman dan penerimaan golongan ini terhadap peradaban masyarakat Melayu berada pada tahap yang sederhana. Justeru Shahrul Azman (2015) mencadangkan agar pemahaman Saudara Baru terhadap kebudayaan Melayu wajar dipertingkatkan bagi mengukuhkan integrasi sesama Muslim.

Proses sosialisasi komuniti Muslim dan bukan Muslim bukan sekadar terjalin daripada interaksi yang berkaitan rutin kehidupan harian. Ia juga merangkumi unsur-unsur kepercayaan dan amalan yang selanjutnya memberi keyakinan kepada komuniti bukan Muslim untuk melakukan pemelukan agama Islam (Rasinah 2010; Suraya 2012). Malahan pertambahan pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina begitu ketara di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor. Dalam perihal ini, Osman Chuah (2005) mendapati pertambahan golongan profesional Melayu yang tinggal di bandar-bandar besar yang menyumbang berlakunya interaksi sosial yang selanjutnya mendorong masyarakat Cina mengenal agama Islam lebih dekat. Saudara Baru merupakan satu kelompok yang melakukan penyesuaian diri dalam kehidupan baharu sebagai seorang Muslim. Lazimnya, kehidupan baharunya lebih berupa kepada apa yang dilakukan oleh Muslim setempat. Oleh kerana budaya dan nilai agama masyarakat Muslim asal saling terpaut, kerap kali Saudara Baru terperangkap di dalam dilema sama ada boleh atau tidak. Keadaan ini memperlihatkan Saudara Baru terperangkap dalam konflik tiga serangkai, iaitu bukan Muslim vs Muslim, Saudara Baru vs bukan Muslim dan Saudara Baru vs Muslim (Abdul Ghani 2013).

Saudara Baru berperanan menjelaskan tentang hakikat peradaban Islam kepada keluarga dan masyarakat asal khususnya menyentuh soal hubungan kekeluargaan, tinggal sebumbung, halal haram dalam pemakanan, dan sebagainya. Selain itu, Saudara Baru mampu berperanan menerangkan kepada masyarakat Muslim asal tentang soal kewajaran mempertahankan budaya asal, pengekalan identiti masing-masing dan ukhuwah dijalinkan atas faktor persamaan agama. Dari satu sudut yang lain, Saudara Baru menjadi jambatan yang menghubungkan komuniti bukan Muslim dengan komuniti Muslim melalui perkongsian aktiviti. Hal ini bermakna, selain menjelaskan kebenaran tentang agama dan hakikat ‘menjadi Muslim’, mesej untuk menyampaikan dakwah Islamiyah dengan berhikmah dapat dilakukan kepada

keluarga dan rakan Muslim terdekat memandangkan mereka lebih mahir dalam menguasai bahasa, budaya dan pemikiran masyarakat asal (Suraya 2012). Justeru, bagi memastikan kemelut ini tidak berada pada tahap yang membimbangkan, amatlah wajar masalah perpaduan perlu segera diselesaikan dalam konteks yang lebih luas dan perlu melibatkan perkongsian kefahaman; dan perbezaan melalui jalinan dialog agama tiga serangkai pada peringkat akar umbi sama ada intra etnik (Cina Muslim dengan ahli keluarga bukan Muslim) atau inter etnik (Melayu dan komuniti Cina) (Khadijah et al. 2017).

## Pemelukan Islam Dalam Komuniti Cina di Terengganu & Brunei

Islam merupakan agama dakwah yang mengajak masyarakat bukan Islam setidaknya menghargai, menghormati apa yang ada di dalam agama Islam. Justeru fenomena pemelukan agama Islam berlaku di mananya. Sama ada di Brunei dan Terengganu, komuniti Cina merupakan bangsa yang kedua terbesar dengan jumlah 40,534 direkodkan pada 2011 (Mohammad Redzuan 2015) di Brunei dan 27,900 direkodkan di Terengganu pada tahun 2010 (Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan 2010). Peranan terhadap pembangunan dakwah di Brunei terhadap komuniti bukan Islam dilakukan oleh Pusat Dakwah Islamiah. Proses penyebaran dakwah yang berjalan dengan teratur melalui program-program dakwah yang berterusan sama ada kepada ‘bukan Islam’ bagi menambahkan keyakinan bukan Islam terhadap ajaran Islam (Azme 2015). Biarpun begitu, bilangan pemelukan Islam pada tahun 2001-2011 (Pusat Dakwah Brunei 2012) dalam kalangan komuniti Cina di Brunei memperlihatkan sentiasa berada dalam keadaan pasang surut dengan kadar purata 66 orang setahun.

Fenomena yang sama berlaku di negeri Terengganu, jumlah pada tahun 2000-2011 memperlihatkan keadaan yang sama, namun purata tahunan komuniti ini yang memeluk agama Islam adalah lebih kecil, iaitu seramai 31 orang sahaja (Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012). Sekiranya dilihat berdasarkan nisbah bilangan penduduk Cina di kedua-kedua wilayah tersebut, ternyata nisbah yang diperolehi bagi negara Brunei ialah 600:1 berbanding dengan negeri Terengganu iaitu 900:1. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan ini. Kajian yang dilakukan oleh (Mohammad Redzuan 2015) menunjukkan tahap pengetahuan komuniti Cina yang bukan Muslim dalam agama Islam di negara Brunei berada dalam skala yang tinggi kesan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam wajib dipelajari di sekolah. Manakala kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Terengganu mendapati pengetahuan agama Islam dalam kalangan komuniti Cina diperolehi hanya melalui pergaulan dan media. Jarang sekali komuniti Cina bukan

Muslim memperolehi maklumat agama Islam melalui pembelajaran, tambahan lagi mata pelajaran agama Islam tidak diwajibkan bagi bukan Muslim. Justeru pengetahuan asas komuniti bukan Islam terhadap agama ini sedikit sebanyak mempengaruhi mereka memeluk agama Islam.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji di dalam dan di luar negara mendapat Saudara Baru berhadapan dengan permasalahan hubungan setelah melakukan pemelukan agama Islam. Kajian peringkat kedoktoran yang dilakukan oleh Tinaz (2001) yang bertajuk “*Conversion of African Americans to Islam: A Sociological Analysis of the Nation of Islam and Associated Groups*” menunjukkan pemelukan agama Islam menimbulkan reaksi yang negatif dalam kalangan keluarga (29%). Osman Chuah (1977), menjelaskan timbul stereotaip yang tidak sihat dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim menganggap menganut Islam bermakna masuk Melayu (*Jip Huan*) dan dianggap pengkhianat bangsa kerana cuba menghapuskan budaya dan bahasa asal. Joy Lam (2005) menyatakan Saudara Baru terpaksa melalui proses pembangunan semula identiti diri dalam tiga tahap, iaitu pertamanya, bagaimana membentuk identiti Muslim yang sejati, keduanya bagaimana menyesuaikan budaya asal dengan nilai-nilai agama Islam seperti sambutan Tahun Baru Cina dan kebudayaan etnik; dan ketiganya bagaimana masyarakat Cina Muslim mengekalkan nama keluarga dalam penamaan Islam mereka. Justeru, Yamin (2012) menyatakan konflik ini bertitik tolak daripada perbezaan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Cina Muslim dan Melayu Muslim. Berdasarkan keterangan di atas, permasalahan ini mungkin tidak terkecuali di Brunei. Saudara Baru menghadapi dan perlu menangkis gambaran-gambaran yang negatif tentang Islam yang diperolehi oleh keluarga bukan Muslim.

## Dialog Antara Agama Pengalaman di Terengganu dan Brunei

Sememang Saudara Baru berperanan menjelaskan kebenaran kepada komuniti asal tentang hakikat agama Islam. Misalnya melalui program kerjasama antara pihak MAIDAM dengan badan-badan NGO yang lain seperti *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Darul Fitrah dan Persatuan Buddha Terengganu pada 24 Disember 2011 memberi kesedaran kepada komuniti Muslim dan bukan Muslim bahawa wujud ruang perkongsian dalam membicarakan soal-soal rutin kehidupan biasa seperti dalam pendidikan anak-anak, beramal nilai-nilai yang mulia, tinggal sebumbung dan sebagainya biarpun berbeza agama dan budaya. Selanjutnya, Malam Tautan Kasih yang dianjurkan oleh MAIDAM bersempena menyambut sambutan Tahun Baru Cina pada 29 Januari 2012 bertempat di Hotel

Primula, Kuala Terengganu. Program yang dianjurkan ini disertai oleh 40 komuniti bukan Muslim dalam kalangan masyarakat Cina dan juga wakil-wakil dari Persatuan Kristian Terengganu. Manakala komuniti Muslim terdiri daripada masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim. Walaupun tujuan asal program ini dikhurasukan kepada masyarakat Cina Muslim, pendedahan kebudayaan Cina seperti Tarian Singa, gendang Cina dan makan menggunakan ‘chopstik’ menjelaskan kepada masyarakat Cina bukan Muslim bahawa memeluk Islam tidak menghapuskan budaya asal mereka. Bagi masyarakat Melayu Muslim pula, pendedahan sedemikian memberi kefahaman yang cukup signifikan bahawa memeluk Islam bukan bermakna seseorang itu menjadi Melayu. Selain itu, majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh MAIDAM negeri Terengganu bertempat di Hotel Primula, di Batu Burok, Terengganu pada 25 Julai 2012 dengan jemputan juga terdiri dalam kalangan bukan Muslim bagi merasai pengalaman berbuka puasa dengan rakan-rakan dan saudara mereka yang beragama Islam. Bagi masyarakat Melayu Muslim pula, dialog agama tiga serangkai mampu memberi kefahaman yang cukup signifikan bahawa memeluk Islam bukan bermakna seseorang itu menjadi Melayu (Azarudin & Khadijah, 2016).

Dialog antara agama melalui perkongsian aktiviti bertujuan memberi kefahaman, kesedaran dan menghormati kepercayaan dan amalan budaya masing-masing. Lantaran itu, tidaklah sukar seorang Muslim menyambut Tahun Baru Cina selagi mana acara yang dilakukan tidak bercanggah dengan hukum syarak Islam. Mengambil kira pengalaman hubungan antara agama dan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu, jalinan dialog antara agama yang berlaku melalui penglibatan secara langsung dan pemerhatian komuniti Saudara Baru mampu merungkaikan persoalan perbezaan agama dan budaya dalam masyarakat. Malahan kelihatan kegembiraan dan keterujaan komuniti Cina Muslim memerikan peradaban asal sebagai suatu pemuliharaan peninggalan yang diwarisi sejak turun temurun. Justeru, Abdul Halim (2012) menyatakan bagaimana berikut:

“Kita melihat program itu amat berjaya, daripada reaksi yang ditunjukkan oleh komuniti bukan Islam, mereka teruja, sebab kalangan yang hadir dari kalangan Saudara Baru mereka berkomunikasi dengan bahasa mereka, kita memberi faham kepada mereka bahawa bangsa tetap bangsa walaupun agama berlainan”.

Peranan Saudara Baru dalam pentas dialog antara agama begitu luas, selain menjelaskan tentang praktis agama Islam melalui amalan-amalan keagamaan seperti solat, berpuasa, menutup aurat dan sebagainya, komuniti Cina Muslim juga berperanan memecahkan persepsi

negatif keluarga bukan Muslim melalui penglibatan bersama dalam budaya asal. Sememangnya pengalaman pembabitan komuniti Cina Muslim dalam aktiviti seperti tarian naga, sambutan Tahun Baru Cina, malam Tautan Kasih yang menggabungkan masyarakat Cina Bukan Muslim, Melayu Muslim dan Cina Muslim dapat memupuk memberi kesedaran yang bermakna kepada banyak pihak. Ternyata, komuniti Cina begitu teruja memanifestasikan kegembiraan yang dijelmakan melalui perkongsian kegiatan budaya asal mereka.

Berdasarkan tinjauan penulis terhadap pembangunan dialog antara agama di Brunei, di dapati kajian-kajian tentang dialog antara agama masih kurang dilakukan. Mengandaikan sosio budaya masyarakat beragama di Brunei, Sabah dan Sarawak hampir sama yakni terdiri daripada pelbagai etnik (Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Dusun, Belait, Murut dan Bisaya merupakan kelompok jati manakala kelompok Iban dan Cina yang mendiami Brunei sejak abad ke 14), agama dan budaya, penulis mencadangkan agar kajian tentang dialog antara agama diperkasa yang sedikit sebanyak merangsangkan dakwah Islamiyyah. Ini adalah kerana isu isu-isu sensitif yang melibatkan agama dan budaya terus menjadi-jadi di dalam kalangan masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Antaranya isu yang berkaitan kesepadan antara puaku-puak, kurang memahami budaya orang lain, ibu bapa tidak menjadikan dirinya ‘role model’ bagi memupuk perpaduan, isu berkaitan perkahwinan campur dan sebagainya (<http://libguides.ubd.edu.bn/>). Termasuk juga disini isu-isu yang menyentuh hubungan antara agama antara Saudara Baru dengan keluarga asal dan komuniti Muslim asal. Rasinah Haji Ahim (2010) menulis tesis kedoktorannya yang bertajuk ‘Penerimaan Dan Kefahaman Tentang Islam Dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam’ menimbul tentangan keluarga, masalah tempat tinggal, kewangan, layanan buruk keluarga dari sebelah pasangan, sukar menyesuaikan diri dengan masyarakat Muslim di sekeliling dan merahsiakan pemelukan Islam. Rasinah (2010) mendapati komuniti yang kurang memahami agama Islam merupakan kelompok yang terbesar yang mencakupi 47% dalam kelompok Saudara Baru. Dengan itu persoalan interaksi dan sifat tolak ansur (*tasamuh*) sangat penting untuk menjadi wahana bagi mengatasi isu-isu yang sensitif ini melalui pendekatan dialog antara agama.

## Kesimpulan

Pemelukan agama Islam membawa pelbagai bentuk konflik dan salahfaham dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim dan Muslim asal kerana maklumat yang diperolehi tentang sesuatu agama dan budaya bersifat kabur. Dalam membina semula hubungan kerana perbezaan agama dan budaya, ternyata dialog antara

agama mampu merungkaikan salah faham yang timbul yang boleh memecah belahan perpaduan kaum. Matlamat ini boleh dicapai sekiranya proses dialog itu sendiri mengambil kira peranan semua pihak yang terlibat yakni peranan kerajaan, badan-badan keagamaan dan NGO, masyarakat dan setiap individu.

Dari sudut Islam, dialog antara agama dapat mengajak kepada bukan Muslim mengenal agama Islam hingga ke akar umbi. Ini bermakna dialog antara agama merupakan satu mekanisme dakwah kepada komuniti bukan Muslim selari sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Nahl ayat125. Kajian sistematis dialog antara agama telah mendapat tempat di Malaysia termasuk di negeri Terengganu manakala di negara Brunei kajian tentang ini masih lagi kelihatan kurang. Memandangkan isu-isu perbezaan antara agama dan budaya seringkali melatari konflik antara kaum, dengan itu kajian tentang dialog antara agama perlu dilestarikan dan diperkasakan.

## Penghargaan:

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/DANA/ 5/3/ARAS (0110/2016) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

## Rujukan

- Abdul Halim Lim Abdul Rahman. (2012). Pengetua Kompleks Darul Hidayah. Dalam temu bual dengan penulis pada 26 Mac 2012 (9.00 pagi) di pejabat agama MAIDAM, Bukit Besar, Kuala Terengganu.
- Abdul Ghani Abdullah. (2013). *Permasalahan Saudara Baru Dan Penyelesaiannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Embong. (2003). Kebudayaan, Nilai dan Pembinaan Bangsa Dalam *Membina Bangsa Malaysia*. ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 27-64. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Amran Kasimin. (1985). *Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. (2005). Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali. (2016). Apresiasi Dialog antara agama Berhikmah Komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN Vol. 24: 1*, (2017), hlm.1–22.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Wahairi Mahmud. (2018). Kesepadan Budaya Melayu Dalam

- Kehidupan Komuniti Cina Muslim Di Negeri Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan* 16: 1. hlm 7-11.
- Azme Matali. (2015). Islam Wasatiyyah: Pengalaman Negara Brunei Darussalam. *Dalam Seminar Internasional "Wasatiyyah Islam on Southeast Asia"*, 13 Juni 2015. hlm. 1-20
- Bilangan Pemelukuan Saudara Baru Negeri Terengganu. (2012). Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu.
- Daisaku Ikeda. (2001). *The Wisdom of the Lotus Sutra*. USA: World Tribune Press.
- Dusuki Ahmad. (1980). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd Faisol Ibrahim & Ahmad Fahme Mohd Ali. (2013). Zakat Distribution and Programme for Sustaining Mualaf Belief and Thought. *Jurnal Teknologi (Social Science)*. 66:1. hlm. 35-43.
- Hernawati Nasir & Suraya Sintang. (2018). Kajian Futuristik Dan Hubungannya Dengan Pembangunan Peradaban Islam Di Malaysia. *e-Bangi* 15, no. 2.hlm.89-105.
- <http://libguides.ubd.edu.bn/> Cara Mendorong Perpaduan diantara puak Brunei dibawah konsep MIB. Dicapai pada 25 Mei 2017
- <http://regionalinterfaith.org.au/?p=388>. Hinduism, Religious Pluralism and Interfaith Dialogue. Dicapai pada 12 April 2017.
- <http://www.sacred-texts.com/hin/rigveda/> The Rig Veda. (Ralph T.H. Griffith Translator). Dicapai pada 11 Mac 2017.
- John B. Carman. (1990). Hindu-Christian Dialogue: Perspectives and Encounters. *Journal of Hindu-Christian Studies*. 3.,hlm. 1-6.
- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khadijah Mohd Hambali & Khairul Nizam Mat Karim. (2005). Interaksi Dan Dialog Agama (Dialog Peradaban): Satu Paparan." Dalam Azizan Baharuddin (Ed.). *Islam Dan Dialog Peradaban Satu Perspektif*. (hlm. 91-121). Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin. (2013). Dialog antara Agama dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 6, hlm. 83-120.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, Khairul Nizam Mat Karim. 2017. Muhamir Interactional Generator And Religious Tolerance Among New-Muslim-Muslim-Bukan Muslim, Akademika, UKM, , vol : 87,issues : 2. hlm : 63-76
- Lam, J. (2005). *Religious conversion and reconstruction of identities: The case of Chinese Muslim converts in Malaysia*. Singapore: Southeast Asian Studies Programme, National University of Singapore.
- Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan. (2010). Putrajaya: Jabatan Statistik Malaysia.
- Muhammad Nazmi Abd Halim dan Jaffary Awang. (2016). Tahap Persepsi Muslim Dan Bukan Muslim Mengenai Hubungan Interaksi Antara Agama: Kajian Tinjauan Di Negeri Kedah Dan Selangor. *Journal Social Sciences & Humanities*, e-Bangi. 11: 2, hlm. 104-124.
- Mohammad Redzuan Meludin. (2015). Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Masyarakat Islam Di Negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Norlina Ismail, Azman Ab. Rahman, & Zulkifli Hasan. (2016). The Conversion Procedures Of Muallaf In Negeri Sembilan: Issues And Challenges. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2: 3 (2016), hlm. 83-89.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng. (1997). Interaction And Integration Of Chinese Muslims With Their Malay Counterparts In Selangor. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlan. (2011). Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek Di Malaysia, *Kajian Malaysia*, 29: 2, hlm. 91-110.
- Rasinah Haji Ahim. (2010). Penerimaan Dan Kefahaman Tentang Islam Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Dan Murut di Brunei Darussalam. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Suraya Sintang. (2012). Dialog antara agama Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya.
- Syarul Azman B. Shaharuddin. (2015). Integrasi Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu di Negeri Selangor. Tesis Kedoktoran Institut Islam Hadhari (HADHARI). Bangi: UKM.
- Syarul Azman Shaharuddin, Mariam Abdul Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Fakhri Sungit Zulkifli Abd. Hamid & Hanis Najwa Shaharuddin. (2016). Isu Dan Permasalahan Mualaf (Cina) Di Malaysia. *International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (Irsyad 2016) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*
- Taylor, Eva I Shaw. (2012). *Interreligious voicelessness. As our ancestors said: Begged water does not quench thirst-an African proverb*. Centre for the Advancement of Women, The Institute for

- Diasporan and African Culture, Brooklyn, New York, USA.
- Tinaz, N. (2001). Conversion of African Americans to Islam: A sociological analysis of the nation of Islam and associated groups. Tesis PhD, University of Warwick.
- Yamin, C. (2012). *A Chinese Life of Islam The Search for Identity*. Kuala Lumpur: The Other Press.